



## FINAL EXAMINATION MARCH 2023

COURSE TITLE            PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

COURSE CODE            MPU3183

DATE/DAY              20 JUNE 2023 / TUESDAY

TIME/DURATION        05:00 PM - 07:00 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 9 Printed Pages including front page)

\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\*

Kertas soalan ini mengandungi TIGA PULUH (30) soalan objektif. Anda dikehendaki menjawab SEMUA soalan dengan menandakan jawapan yang paling tepat dalam kertas OMR yang disediakan. [30 Markah]

1. Etika di Malaysia ketika zaman kolonial dihayati dalam bentuk \_\_\_\_\_.

I adab

II adat resam

III adat istiadat

IV etika

A. I, II

B. I, II, III

C. II, III, IV

D. IV sahaja

2. Etiket boleh diamalkan melalui situasi yang berikut:

I mesyuarat dalam talian

II makan malam bersama perdana menteri

III bercakap dengan orang yang lebih berusia

IV menghormati adat resam kaum lain

A. I, II

B. I, II, III

C. II, III, IV

D. III, IV

3. Etika dan peradaban acuan Malaysia perlu dilihat daripada sudut:

I sejarah

II struktur sosial

III biografi masyarakat yang berkenaan

IV kemajuan teknologi

A. I, II

B. I, II, III

C. II, III, IV

D. IV sahaja

4. Istilah \_\_\_\_\_ digunakan untuk kepelbagaiannya masyarakat di Malaysia selepas pascakolonial kerana kemasukan buruh dari China dan India.

A. budaya majmuk

B. peradaban majmuk

C. kesepadan sosial

D. masyarakat majmuk

5. Mengapakah kerajaan-kerajaan Melayu Islam yang wujud semasa zaman prakolonial penting dalam pembentukan etika dan peradaban?
- I Pengaruh ajaran Islam mendasari aspek nilai dan peradaban masyarakat
  - II Nilai moral, akhlak dan kesopanan membentuk masyarakat yang beradab dan bertanggungjawab
  - III Menanam sikap kepahlawanan sehingga mewujudkan elemen nilai dan tingkah laku berdasarkan kepercayaan roh dan semangat alam
  - IV Menekankan nilai rasional dan empirikal akal manusia dalam pembentukan nilai kemanusiaan
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
6. Kenyataan yang manakah **SALAH** mengenai penghayatan etika dan peradaban dalam era globalisasi?
- A. Nilai etika yang wujud telah bercampur-baur dalam kehidupan.
  - B. Etika yang pelbagai boleh dipelajari melalui teknologi.
  - C. Terdapat keimbangan mengenai kemerosotan penghayatan etika dan nilai dalam konteks negara.
  - D. Penghayatan etika dan peradaban berlaku hanya dalam bentuk etika, etos dan etiket.

7. Rajah 1 merujuk kepada \_\_\_\_\_



Rajah 1

- A. adat istiadat
- B. etiket
- C. etos
- D. etika

8. Kemunculan Melaka telah menjulang jati diri peradaban Melayu di Tanah Melayu. Antara ciri-ciri kegemilangan kesultanan Melayu Melaka adalah:

- I menjadi tumpuan pusat perdagangan di gugusan Kepulauan Melayu abad ke-15
  - II kemasyhurannya telah berjaya menarik kedatangan para saudagar dari benua asing.
  - III pernah berperanan sebagai medan interaksi dan pertembungan peradaban merentas benua.
  - IV keterbukaan dalam menghayati peradaban Barat menambah kecekapan pentadbiran dan pemerintahan kerajaan
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas

9. Pengaruh peradaban India terhadap kebudayaan masyarakat Melayu dilihat melalui:

- I kepercayaan
  - II adat istiadat
  - III institusi pemerintahan
  - IV sistem ekonomi
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas

10. Biarpun pengaruh dari Timur Tengah telah membawa impak yang cukup besar dalam keseluruhan sistem kehidupan masyarakat Melayu, namun pengaruh peradaban Cina tidak hilang sepenuhnya dalam aspek:

- I makanan
  - II bahasa
  - III pendidikan
  - IV sistem ekonomi
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas

11. Yang manakah contoh tapak integrasi secara mikro?


- A. Makan mee goreng di kedai mamak  
B. Program gotong-royong anjuran persatuan jiran tetangga  
C. Politik permuafakatan antara dua parti politik yang berbeza ideologi  
D. Sistem Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan modal insan yang seimbang

12. Interaksi etika dan peradaban Tanah Melayu di era kolonial jelasnya berlaku disebabkan oleh pihak penjajah seperti:

- I British
- II Portugis
- III Belanda
- IV Timur Tengah

- A. I, II
- B. I, II, III
- C. I, II, IV
- D. Semua di atas

13. X merujuk kepada tahap hubungan etnik pada peringkat \_\_\_\_\_.



Rajah 2

- A. segregasi
- B. asimilasi
- C. amalgamasi
- D. akomodasi

14. \_\_\_\_\_ adalah proses dan tahap yang telah dicapai oleh masyarakat Malaysia misalnya memberi sokongan kepada atlet dalam bidang kesukanan yang mereka ceburi.

- A. Penyatupaduan
- B. Perpaduan
- C. Bersatu
- D. Kesepaduan sosial

15. Kesepaduan nasional ialah \_\_\_\_\_.

- A. ciri atau sifat sesuatu bangsa, budaya mahupun zaman yang terbina daripada kerjasama, hormat-menghormati dan sebagainya.
- B. satu keadaan aman, stabil dan makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat
- C. penyatuan secara zahir dan luaran bertunjangan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
- D. usaha yang dilakukan secara berterusan untuk menyelesaikan defisit sosial dalam semua lapisan masyarakat.

16. Antara situasi yang berikut, yang manakah menunjukkan takrifan harian?

- I Menghadiri majlis perkahwinan tanpa undangan khas
  - II Menghina perlembagaan Malaysia
  - III Memperlekehkan adat istiadat institusi beraja
  - IV Memberi bantuan kepada jiran walaupun berbeza agama dan budaya
- A. I, IV
  - B. II, III
  - C. I, II, IV
  - D. II, III, IV

17. Semasa menggunakan ICT untuk pembelajaran kelas *online*, adalah **SALAH** sekiranya:

- A. berpakaian sopan dan bersesuaian
- B. membisukan mikrofon apabila guru sedang bercakap
- C. menghadiri perjumpaan awal
- D. memaksimumkan gangguan

18. Ciri-ciri yang manakah **BENAR** mengenai pluraliti masyarakat Melayu sebelum kedatangan penjajah?

- I Kedatangan buruh Cina dan India untuk mengusahakan lombong bijih timah dan getah
  - II Masyarakat etnik ditempatkan mengikut kawasan dan jenis pekerjaan
  - III Mengamalkan pemerintahan secara feudalisme
  - IV Berlaku penghijrahan semula jadi sama ada melalui perdagangan atau perkahwinan campur
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. III dan IV
  - D. I dan IV

19. Realiti mengenai etos negara bangsa di Malaysia adalah:

- I berteraskan kepelbagaian yang saling menerima dan mengiktiraf.
  - II negara bangsa acuan Malaysia disebut dengan "Bangsa Malaysia".
  - III bertitik tolak daripada satu ras membentuk bangsa dan melahirkan satu negara.
  - IV konsep kenegaraan yang serupa dengan bangsa Jepun yang membentuk negara Jepun.
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas

20. Yang TIDAK menggambarkan tanggungjawab sosial dalam aktiviti kejiranan adalah:

- A. sikap positif dan keikhlasan
- B. membantu jiran tetangga yang rapat
- C. memikul tanggungjawab bersama dan bekerjasama
- D. sikap untuk saling mengenali dan membina sikap ramah mesra

21. Apakah yang anda faham mengenai konsep *tabayyun* demi kesepadan sosial?

- A. Melulu membuat kesimpulan tentang berita yang dibaca dalam media sosial.
- B. Menerima propaganda untuk merosakkan imej bangsa tertentu.
- C. Mengkaji setiap maklumat dengan memastikan kesahihan sumbernya.
- D. Mempercayai berita palsu bulat-bulat.

22. Malaysia mengiktiraf diskriminasi perlindungan bagi mengukuhkan perlembagaan negara. Apakah tujuan perkara ini dilakukan?

- A. Menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera kerana sudah lapuk dan tidak lagi relevan untuk dipertahankan.
- B. Membentuk keseimbangan politik dengan memberi keutamaan kepada golongan Melayu dalam perkhidmatan awam.
- C. Menggalakkan penindasan golongan minoriti terhadap golongan majoriti.
- D. Mengurangkan bebanan kewangan terhadap masyarakat yang ketinggalan daripada sudut ekonomi kerana tidak memberi keuntungan.

23. Takrifan harian adalah:

- I tidak mempunyai peraturan formal
- II lahir daripada dokumen oleh pihak berkuasa
- III ditentukan oleh individu, keluarga dan komuniti
- IV fenomena dan tingkah laku dalam kehidupan seharian

- A. I, III
- B. I, II, III
- C. I, III, IV
- D. II, IV

24. Kesan negatif revolusi industri terhadap perubahan dan peradaban dalam kehidupan manusia ialah \_\_\_\_\_.

- A. penciptaan teknologi dan inovasi yang rendah dalam bidang pertanian
- B. kemerosotan industri pembuatan dan pengilangan
- C. lambakan syarikat tradisional dalam bidang perusahaan yang meraih keuntungan besar.
- D. sistem komunikasi yang tidak berkembang menyukarkan perdagangan antarabangsa

25. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **BENAR** mengenai peranan *non-Governmental Organization* (NGO)?

- A. Mengadakan pelbagai dialog dan seminar untuk memahami permasalahan dan membincangkan penyelesaian yang sesuai
- B. Memberi galakkan kepada etnik tertentu supaya sentiasa mengguna pakai budaya etnik lain dalam menjalani kehidupan sehari-hari
- C. Menjadi sebuah badan bebas untuk melakukan apa-apa sahaja tanpa pengawasan daripada sesiapapun
- D. Melakukan pelbagai demonstrasi jalanan, rusuhan bantahan dan perhimpunan haram terhadap sesuatu perkara yang dirasakan salah dan menyusahkan masyarakat

26. Mengapakah etika keagamaan sebagai benteng terakhir dalam membina peradaban di Malaysia?

- I Nilai agama mampu mendepani demoralisasi sosial dalam kalangan generasi muda.
  - II Membimbing fitrah keinsanan yang sentiasa berubah-ubah dan terikut-ikut dengan budaya yang melampaui batas kehidupan manusia sebenar.
  - III Memelihara nilai-nilai individualistik agar kehidupan yang diingini tercapai dengan jayanya.
  - IV Amalan etika keagamaan yang baik dapat diamalkan demi kehidupan yang selesa dan bahagia.
- A. I, II, III
  - B. I, II, IV
  - C. II, III, IV
  - D. Semua di atas

27. Apakah faktor-faktor yang mendorong konflik dalam menjalin hubungan sesama etnik apabila British menjalankan pemajmukan masyarakat?

- I Penjajah telah mengambil inisiatif yang sangat bijak dalam menangani krisis kependudukan majmuk
  - II Perbezaan kebudayaan dan latar belakang sosial antara kependudukan majmuk
  - III Corak pemerintahan penjajah seperti Dasar Pecah Perintah British yang mewujudkan jurang perbezaan etnik, ekonomi, politik dan sistem pendidikan vernakular.
  - IV Proses urbanisasi antara etnik telah melibatkan penempatan yang berbeza mengikut ras
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

28. Kesan positif pengaruh globalisasi dalam peradaban Malaysia ialah \_\_\_\_\_.

- I peranan pelabur asing (FDI) dalam mewujudkan pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan.
  - II peningkatan mobiliti sosial dan pengukuhan kelas rendah
  - III peluang yang lebih luas untuk mendapatkan maklumat dan menyebarkan ilmu pengetahuan berkat teknologi baru.
  - IV kualiti alam sekitar yang semakin membimbangkan akibat mementingkan faktor keuntungan semata-mata.
- A. I, II, III  
B. I, II, IV  
C. I, III, IV  
D. Semua di atas

29. Pilih cara membina ikatan sosial yang kuat di antara anggota masyarakat yang berbeza agama anutannya.

- I Menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana alam tanpa mengira agama
  - II Saling berinteraksi antara jiran yang berlainan agama dengan menghormati sensitiviti keagamaannya
  - III Meraikan bersama-sama perayaan kebudayaan yang dikongsi bersama oleh para penganut agama yang berbeza
  - IV Para penganut agama yang berbeza berusaha untuk berkongsi upacara ritual keagamaan sebanyak yang mungkin bagi meningkatkan toleransi beragama.
- A. I, II  
B. II, IV  
C. I, II, III  
D. II, III, IV

30. Konsep kesukarelawan menjadi **SALAH** apabila:

- I Mengharapkan balasan daripada setiap kebaikan yang diberikan.
  - II Membantu golongan miskin dan susah untuk dikenali orang lain.
  - III Memberi khidmat bakti kepada manusia lain dengan hati yang ikhlas dan jujur.
  - IV Menyertai *non-Governmental Organization* (NGO) ke luar negara untuk mendapatkan perhatian dalam media sosial
- A. I, II, III  
B. I, II, IV  
C. I, III, IV  
D. II, III, IV



## FINAL EXAMINATION

### MARCH 2023

---

COURSE TITLE            PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

COURSE CODE            MPU3183

DATE/DAY              20 JUNE 2023 / TUESDAY

TIME/DURATION        05:00 PM - 07:00 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

---

#### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 9 Printed Pages including front page)

\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\*

Kertas soalan ini mengandungi TIGA PULUH (30) soalan objektif. Anda dikehendaki menjawab SEMUA soalan dengan menandakan jawapan yang paling tepat dalam kertas OMR yang disediakan. [30 Markah]

1. Etika di Malaysia ketika pascakolonial dihayati dalam bentuk \_\_\_\_\_.
  - I adab
  - II adat resam
  - III adat istiadat
  - IV etiket
  - A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
2. Apakah yang mempengaruhi tahap penghayatan etika dan peradaban di Malaysia?
  - A. Sejarah
  - B. Struktur sosial
  - C. Biografi masyarakat yang berkenaan
  - D. Semua di atas
3. Kajian berkaitan dengan penghayatan etika dan peradaban ketika \_\_\_\_\_ menyentuh peranan selat Melaka sebagai laluan terpenting antara Timur, Barat dan Timur Tengah.
  - A. Kesultanan Melayu Islam Patani
  - B. Kesultanan Melayu Langkasuka
  - C. Kesultanan Melayu Melaka
  - D. Kesultanan Melayu Kedah Tua
4. Apakah yang anda faham mengenai konsep *tabayyun* demi kesepaduan sosial?
  - A. Melulu membuat kesimpulan tentang berita yang dibaca dalam media sosial.
  - B. Menerima propaganda untuk merosakkan imej bangsa tertentu.
  - C. Mengkaji setiap maklumat dengan memastikan kesahihan sumbernya.
  - D. Mempercayai berita palsu bulat-bulat.
5. Majlis perkahwinan kaum Cina ialah merupakan \_\_\_\_\_.
  - A. adat istiadat
  - B. adab
  - C. etiket
  - D. etika

6. Pengaruh peradaban India terhadap kebudayaan masyarakat Melayu dilihat melalui:
- I kepercayaan
  - II adat istiadat
  - III institusi pemerintahan
  - IV sistem ekonomi
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas
7. Antara situasi yang berikut, yang manakah menunjukkan takrifan autoriti?
- A. Jalur Gemilang diterbalikkan.
  - B. Tidak mematuhi peraturan jalan raya.
  - C. Menghina Agung dengan kata-kata kesat dan perbuatan tidak sopan.
  - D. Seorang muslim yang tidak peka dengan kualiti halal atau haram makanan yang dibeli.
8. Kenyataan yang manakah **SALAH** mengenai penghayatan etika dan peradaban dalam era globalisasi?
- A. Nilai etika yang wujud telah bercampur-baur dalam kehidupan.
  - B. Etika yang pelbagai boleh dipelajari melalui teknologi.
  - C. Terdapat keimbangan mengenai kemerosotan penghayatan etika dan nilai dalam konteks negara.
  - D. Penghayatan etika dan peradaban berlaku hanya dalam bentuk etika, etos dan etiket.
9. Kemunculan Melaka telah menjulang jati diri peradaban Melayu di Tanah Melayu. Antara ciri-ciri kegemilangan kesultanan Melayu Melaka adalah:
- I Menjadi tumpuan pusat perdagangan di Gugusan Kepulauan Melayu abad ke-15
  - II Kemasyhurannya telah berjaya menarik kedatangan para saudagar dari benua asing.
  - III Pernah berperanan sebagai medan interaksi dan pertembungan peradaban merentas benua.
  - IV Keterbukaan dalam menghayati peradaban Barat menambah kecekapan pentadbiran dan pemerintahan kerajaan
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas

10. Malaysia mengiktiraf diskriminasi perlindungan bagi mengukuhkan perlembagaan negara. Apakah tujuan perkara ini dilakukan?

- A. Menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera kerana sudah laluk dan tidak lagi relevan untuk dipertahankan.
- B. Membentuk keseimbangan politik dengan memberi keutamaan kepada golongan Melayu dalam perkhidmatan awam.
- C. Menggalakkan penindasan golongan minoriti terhadap golongan majoriti.
- D. Mengurangkan bebanan kewangan terhadap masyarakat yang ketinggalan daripada sudut ekonomi kerana tidak memberi keuntungan.

11. Istilah \_\_\_\_\_ digunakan untuk merujuk kepada masyarakat pelbagai etnik di Tanah Melayu selepas kehadiran penjajah yang membawa masuk pendatang dari China dan India untuk kepentingan ekonomi.

- A. budaya majmuk
- B. peradaban majmuk
- C. kesepadan sosial
- D. masyarakat majmuk

12. Biarpun pengaruh dari Timur Tengah telah membawa impak yang cukup besar dalam keseluruhan sistem kehidupan masyarakat Melayu, namun pengaruh peradaban Cina tidak hilang sepenuhnya dalam aspek:

- I makanan
  - II bahasa
  - III pendidikan
  - IV sistem ekonomi
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas

13. Yang manakah **BUKAN** contoh tapak integrasi secara makro?

- A. Program rumah terbuka di universiti
- B. Perlembagaan Persekutuan
- C. Politik Permuafakatan
- D. Sistem Pendidikan Kebangsaan

14. Yang TIDAK menggambarkan tanggungjawab sosial dalam aktiviti kejiranan adalah:


- A. sikap positif dan keikhlasan
- B. membantu jiran tetangga yang rapat
- C. memikul tanggungjawab bersama dan bekerjasama
- D. sikap untuk saling mengenali dan membina sikap ramah mesra

15. Interaksi etika dan peradaban Tanah Melayu di era kolonial jelasnya berlaku disebabkan oleh pihak penjajah seperti:

- I British
- II Portugis
- III Belanda
- IV Timur Tengah

- A. I, II
- B. I, II, III
- C. I, II, IV
- D. Semua di atas

16. X merujuk kepada tahap hubungan etnik pada peringkat \_\_\_\_\_.



Rajah 2

- A. segregasi
- B. asimilasi
- C. amalgamasi
- D. akomodasi

17. Realiti mengenai etos negara bangsa di Malaysia adalah:

- I berteraskan kepelbagaiannya yang saling menerima dan mengiktiraf.
  - II negara bangsa acuan Malaysia disebut dengan "Bangsa Malaysia".
  - III bertitik tolak daripada satu ras membentuk bangsa dan melahirkan satu negara.
  - IV konsep kenegaraan yang serupa dengan bangsa Jepun yang membentuk negara Jepun.
- A. I, II
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. Semua di atas

18. Takrifan harian adalah:

- I tidak mempunyai peraturan formal
  - II lahir daripada dokumen oleh pihak berkuasa
  - III ditentukan oleh individu, keluarga dan komuniti
  - IV fenomena dan tingkah laku dalam kehidupan seharian
- A. I, III  
B. I, II, III  
C. I, III, IV  
D. II, IV

19. Sebagai seorang pengguna ICT adalah **SALAH** sekiranya:

- A. menjaga kelakuan dari sudut percakapan dan perbuatan semasa sedang *online* dengan seseorang.
- B. menghormati ruang rakan sekerja yang mungkin berbeza gaya bahasa dan budi bicara.
- C. mengelak dari berkongsi bahan yang tidak bermanfaat dan kurang nilai etika.
- D. mengajak rakan sejawat menyebarkan berita palsu yang tidak tahu dari manakah kesahihannya.

20. Kesukarelawan adalah:

- I Tidak mengharapkan balasan dan sentiasa bersedia berkongsi kebaikan.
  - II Membantu golongan miskin dan susah hanya untuk mendapatkan nama dan pangkat.
  - III Memberi khidmat bakti kepada manusia lain dengan hati yang ikhlas dan jujur.
  - IV Menyertai NGO ke luar negara untuk berkongsi *ukhuwah* dan kasih sayang.
- A. I, II, III  
B. I, II, IV  
C. I, III, IV  
D. II, III, IV

21. \_\_\_\_\_ merupakan istilah terawal yang digunakan merujuk kepada usaha awal pihak kerajaan dalam memperkasakan integrasi kaum pasca merdeka.

- A. Perpaduan
- B. Penyatuan
- C. Kesepadanuan
- D. Kesatuan

22. Kesan positif revolusi industri terhadap perubahan dan peradaban dalam kehidupan manusia ialah \_\_\_\_\_.

- I penciptaan teknologi dalam bidang pertanian.
  - II peningkatan kewujudan industri dan kilang.
  - III lambakan syarikat tradisional dalam bidang perusahaan yang meraih keuntungan besar.
  - IV sistem komunikasi menjadi lebih mudah dan pantas.
- A. I, II, III  
B. I, II, IV  
C. I, III, IV  
D. II, III, IV

23. Proses menyatupadukan etnik di Malaysia merupakan usaha yang berterusan dalam semua lapisan masyarakat untuk menyelesaikan defisit sosial berwahanakan tapak integrasi dalam pelbagai kegiatan harian, antaranya:

- I sukan
  - II makanan
  - III media
  - IV agama
- A. I, II  
B. I, II, III  
C. I, II, IV  
D. Semua di atas

24. Masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat hari ini disebabkan oleh:

- I memperalatkan sentimen agama dan bertindak di luar batasan hidup beragama
  - II kependudukan yang tidak terurus yang mencetus ketidakseimbangan sosial antara kaum
  - III masalah kewangan yang mendorong kepada peningkatan aktiviti jenayah kawasan bandar
  - IV bahaya penyimpangan dan penyalahgunaan teknologi komunikasi
- A. I, II, III  
B. I, II, IV  
C. II, III, IV  
D. Semua di atas

25. Faktor-faktor yang memangkin penubuhan sebuah negara bangsa yang berjaya adalah:

- I nasionalisme
- II patriotisme
- III integrasi
- IV materialisme

- A. I, II
- B. I, II, III
- C. I, II, IV
- D. Semua di atas

26. Kesan positif pengaruh globalisasi dalam peradaban Malaysia ialah \_\_\_\_\_.

- I peranan pelabur asing (FDI) dalam mewujudkan pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan.
- II peningkatan mobiliti sosial dan pengukuhan kelas rendah
- III peluang yang lebih luas untuk mendapatkan maklumat dan menyebarkan ilmu pengetahuan berkat teknologi baru.
- IV kualiti alam sekitar yang semakin membimbangkan akibat mementingkan faktor keuntungan semata-mata.

- A. I, II, III
- B. I, II, IV
- C. I, III, IV
- D. Semua di atas

27. Kesepadan nasional ialah \_\_\_\_\_.

- A. ciri atau sifat sesuatu bangsa, budaya mahupun zaman yang terbina daripada kerjasama, hormat-menghormati dan sebagainya.
- B. satu keadaan aman, stabil dan makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat
- C. penyatuan secara zahir dan luaran bertunjangkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
- D. usaha yang dilakukan secara berterusan untuk menyelesaikan defisit sosial dalam semua lapisan masyarakat.

28. Pilih nilai-nilai teras yang perlu dibangunkan untuk mewujudkan kesedaran tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat Malaysia.

- I Integriti
  - II Keberanian
  - III Fokus
  - IV Kepimpinan
- A. I, II, III
  - B. I, II, IV
  - C. II, III, IV
  - D. Semua di atas

29. Toleransi budaya yang dibawa oleh pemimpin terdahulu perlu dicontohi masyarakat hari ini. Antara situasi yang berikut, yang manakah **BENAR** mengenai toleransi budaya tersebut?

- I Orang Melayu bersedia berkongsi kuasa dan persefahaman demi kepentingan dan perpaduan antara etnik.
  - II Walaupun hak keistimewaan diberikan kepada orang Melayu dalam perjanjian persekutuan, namun kaum lain bebas mencapai kesenangan dan kejayaan.
  - III Masyarakat lain boleh mengekalkan dan mengembangkan bahasa Cina dan bahasa Tamil ataupun bahasa-bahasa lain.
  - IV Orang Melayu beridentitikan sebuah etnik yang unggul yang hanya boleh bekerjasama dengan golongan tertentu sahaja.
- A. I, II, III  
B. I, II, IV  
C. I, III, IV  
D. Semua di atas

30. Mengapakah etika keagamaan sebagai benteng terakhir dalam membina peradaban di Malaysia?

- I Nilai agama mampu mendepani demoralisasi sosial dalam kalangan generasi muda.
  - II Membimbing fitrah keinsanan yang sentiasa berubah-ubah dan terikut-ikut dengan budaya yang melampaui batas kehidupan manusia sebenar.
  - III Memelihara nilai-nilai individualistik agar kehidupan yang diingini tercapai dengan jayanya.
  - IV Amalan etika keagamaan yang baik dapat diamalkan demi kehidupan yang selesa dan bahagia.
- A. I, II, III  
B. I, II, IV  
C. II, III, IV  
D. Semua di atas

\*\*\* KERTAS SOALAN TAMAT \*\*\*